



TEKS UCAPAN OLEH

**YANG BERUSAHA
PUAN NOR AZIAH BINTI JAAFAR
PENGARAH JABATAN ALAM SEKITAR
NEGERI SELANGOR**

**SEMINAR PREMIS DAN PEMBAWA YANG
DITETAPKAN: KILANG GETAH, KILANG KELAPA
SAWIT DAN BUANGAN TERJADUAL**

SAMBUTAN HARI BUMI 2022

**“PENGELUARAN BERSIH, PEMANGKIN INDUSTRI
LESTARI”**

TARIKH : 29 MAC 2022 (SELASA)

TEMPAT: HOTEL CONCORDE

Bismillahir Rahmanir Rahim,

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Salam Sejahtera,

Salam Keluarga Malaysia,

[AMBIL SALUTATION DARIPADA JT IS]

Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan kepada Allah SWT kerana dengan rahmat dan izin-Nya jua kita semua dapat bersama-sama menghadiri Seminar Premis dan Pembawa Yang Ditetapkan: Kilang Getah, Kilang Kelapa Sawit dan Buangan Terjadual pada hari ini yang turut diadakan sempena Sambutan Hari Bumi 2022.

Terlebih dahulu, saya ingin menzahirkan ucapan tahniah kepada pasukan urus setia kerana telah memberikan komitmen yang tinggi bagi menjayakan seminar ini.

Para hadirian yang dihormati sekalian

Seperti kita semua sudah sedia maklum, dunia sedang dilanda dengan wabak Covid-19 dan Malaysia juga tidak terkecuali telah melalui beberapa fasa perintah kawalan pergerakan dalam usaha membendung wabak ini. Walaubagaimanapun, bermula 1 April nanti, Malaysia akan mula memasuki fasa endemik yang mana pada fasa ini, industri dan sektor ekonomi serta sosial akan dibuka semula dalam usaha meningkatkan semula ekonomi negara kita.

Justeru itu Jabatan Alam Sekitar Negeri Selangor berasaskan masa pengajuran seminar ini sangatlah bertepatan dengan keadaan semasa negara kita yang akan memasuki fasa endemik ini. Untuk makluman tuan-tuan dan puan-puan juga, seminar ini sebenarnya telah dirancang pada tahun 2020. Walaubagaimanapun, seminar ini terpaksa ditunda kerana wabak covid-19 yang melanda. Justeru itu Jabatan Alam Sekitar Negeri Selangor berasaskan telah tiba masa untuk Jabatan ini berjumpa dengan tuan-tuan dan puan-puan dengan menganjurkan seminar ini dengan objektif untuk:-

- (i) Meningkatkan kefahaman mengenai keperluan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan Peraturan-Peraturan di bawahnya termasuklah garis panduan dan polisi terkini;
- (ii) Meningkatkan pematuhan Premis dan Pembawa Yang Ditetapkan di Negeri Selangor dengan perkongsian isu-isu semasa berkaitan pematuhan; dan
- (iii) Menyediakan platform kepada pihak industri untuk mengemukakan soalan dan berkongsi pandangan dengan ahli panel pada sesi dialog.

Untuk makluman tuan-tuan dan puan-puan juga, seminar pada hari ini diadakan bersempena sambutan Hari Bumi 2022. Hari Bumi pada tahun ini telah disambut di seluruh dunia untuk kali yang ke-52 pada 22 April 2022 dengan tema “Melabur di planet kita (Invest Our Planet)” sebagai usaha menghargai bumi dan menyemai rasa tanggungjawab serta meningkatkan kesedaran dalam kalangan masyarakat untuk melindungi bumi dan alam sekitar. Pada kesempatan ini, saya ingin mengucapkan Selamat Menyambut Hari Bumi kepada semua hadirin hadirat yang hadir pada hari ini. Sama-samalah kita semua menjaga bumi kita ini untuk kemakmuran generasi sekarang dan pastinya supaya generasi akan datang juga dapat menikmati keindahan bumi yang sama yang dinikmati oleh kita.

Tema bagi seminar ini iaitu “Pengeluaran Bersih, Pemangkin Industri Lestari” dipilih berdasarkan usaha-usaha yang telah dilaksanakan oleh Jabatan Alam Sekitar dengan kerjasama pihak industri dan agensi berkaitan bagi mempromosikan dan melaksanakan Pengeluaran Bersih berdasarkan prinsip penghapusan dan pengurangan sisa, proses pengeluaran hijau, proses pengeluaran yang cekap tenaga, persekitaran kerja yang selamat dan sihat dan produk dan pembungkusan mesra alam. Pendekatan “*end of pipe*” sahaja dalam pengurusan alam sekitar bagi memenuhi keperluan perundangan dilihat tidak relevan pada masa kini dan memerlukan satu pendekatan yang lebih komprehensif contohnya Pengeluaran Bersih yang merangkumi keseluruhan peringkat dalam industri.

Ini adalah selaras dengan inisiatif di bawah *United Nations Environment Programme* (UNEP) bagi menggalakkan pelaksanaan Pengeluaran Bersih terutamanya di negara-negara yang sedang membangun melalui pelaksanaan berterusan strategi pencegahan alam sekitar bersepadu yang diaplikasikan kepada proses, produk dan perkhidmatan bagi meningkatkan kecekapan dan mengurangkan risiko kepada manusia dan alam sekitar. Pelaksanaan Pengeluaran Bersih ini akan mewujudkan

perubahan tingkah laku dan minda dalam setiap pemegang taruh ke arah pengurusan alam sekitar yang lebih lestari yang akan memberikan faedah-faedah seperti pengurangan penjanaaan sisa, pengurangan penggunaan bahan mentah, utiliti dan kos modal, mengurangkan kos rawatan sisa dan risiko pencemaran, meningkatkan kecekapan proses dan kualiti produk dan sebagainya. [option]

Hadirin hadirat yang dihormati sekalian,

Dalam seminar ini, besarlah harapan saya sekiranya tuan-tuan dan puan-puan mendapat informasi terkini daripada Jabatan Alam Sekitar berkaitan polisi, garis panduan dan lain-lain daripada sesi pembentangan dan juga sesi dialog pada petang nanti. Semoga segala persoalan atau isu-isu yang dihadapi tuan-tuan dan puan-puan dalam mencapai pematuhan kepada Akta Kualiti Alam Sekeliling dan peraturan-peraturan di bawahnya dapat dijelaskan dalam seminar ini.

Sebelum mengakhiri ucapan ini, saya sekali lagi ingin merakamkan setinggi-tinggi syabas dan tahniah kepada Urus setia Jabatan Alam Sekitar Negeri Selangor dan Kelab Sukan dan Kebajikan JAS Negeri Selangor (KESAS) atas inisiatif

menganjurkan seminar ini. Ucapan setinggi-tinggi penghargaan juga diucapkan kepada semua peserta kerana mengikuti seminar ini. Semoga sokongan yang berterusan daripada tuan-tuan dan puan-puan akan terus berkekalan demi memastikan alam sekitar kita terjaga dan terpelihara.

Sehubungan itu, dengan lafaz Bismillahir Rahmanir Rahim, saya dengan sukacitanya merasmikan Seminar Premis dan Pembawa Yang Ditetapkan: Kilang Getah, Kilang Kelapa Sawit dan Buangan Terjadual.

Sekian.

Terima Kasih.